

# Maklumat Komoditi : Betik

## Pengairan Dan Saliran

Air merupakan keperluan asas bagi setiap tanaman. Pada musim kemarau air dari tanah adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan tanaman. Oleh itu pemberian air tambahan melalui sistem pengairan diperlukan untuk membantu secara berkesan meningkatkan tumbesaran tanaman, meningkatkan mutu buah dan seterusnya meninggikan hasil.

Bagi tanaman betik, sistem pengairan yang paling sesuai ialah sistem pengairan titis. Kebaikan sistem pengairan titis adalah seperti berikut : -

1. Kecekapan pengairan 95%
  2. Sistem memerlukan tekanan yang rendah dan kadar alir rendah
- Pembajaan boleh dijalankan melalui sistem pengairan ini (Fertigation)

Komponen utama yang diperlukan dalam sistem pengairan titis ialah sumber air, rumah pam, enjin / motor dan pam, penyuntik baja, alat penapis, sistem paip utama / buka utama *High Density Polyethylene* tiub, *Low Density Polyethylene* tiub penyambung dan penyebar. Rekabentuk sesuatu sistem adalah bergantung kepada kadar potensi *evapotranspiration*, tekstur tanah, rupa bumi, kecerunan, jarak tanaman, jenis paip dan tiub, jenis penyebar dan sistem operasi. Dalam melaksanakan sistem pengairan titis, faktor utama yang mesti diambil kira adalah kualiti air. Walaupun alat penapis dipasang, masalah tersumbat masih berlaku. Oleh itu rawatan di kawasan sumber air adalah sangat mustahak untuk mengurangkan kos penyelenggaraan. Pengairan hendaklah dijalankan di sebelah pagi dan petang untuk mengelakkan pengewapan yang berlaku di waktu tengah hari serta dapat mengelakkan air yang keluar terlalu panas. Bagi tanaman betik, penyebar hendaklah dibubuh jauh sedikit dari pangkal pokok untuk mengelakkan daripada penyakit.

Secara am, jangka masa pengairan setiap hari untuk tanaman betik bergantung kepada keluasan zon akar, faktor tanaman, tekstur tanah, jumlah penyebar, kadar alir air setiap penyebar dan peringkat pertumbuhan pokok .

Perkara	Peringkat Baru Tanam	Peringkat Tampang	Peringkat Matang
Jumlah penyebar setiap pokok	1	1	1
Kadar alir setiap penyebar ( liter se jam)	2	2	2
Jangka masa pengairan sekali (minit) 4 kali	15	30	50

### Jadual : Jangka Masa Pengairan Setiap Hari

Anggaran kos pemasangan sistem pengairan

i. Kos Pengairan (RM/Ha) (Bahan +Upah) :

- < 1 ha = RM 9,000.00
- 2 – 4 ha = RM 5,700.00

- 5 – 8 ha = RM 6,000.00
- 9 – 16 ha = RM 4,500.00
- 17 – 20 ha = RM 5,500.00